

TARIKH	SELASA, 6 JUN 2023
AKHBAR	BERITA HARIAN
TAJUK ARTIKEL	SEMUA PIHAK PERLU BERGANDING BAHU LINDUNGI HAK ASASI WANITA
M/S	13
BIDANG	MANAGEMENT
KATA KUNCI	MANAGEMENT

BH Selasa, 6 Jun 2023

MindaPembaca

13

Semua pihak perlu berganding bahu lindungi hak asasi wanita

NurAliah Farhana Mohd Shah,
Universiti Pendidikan Sultan Idris

Isu hak wanita selalu menjadi perkara yang kontroversi setiap kali ia dipertutuskan. Ramai pihak melihat apabila sesebuah kelompok atau institusi menyuarakan hal berkaitan wanita, ia dilihat sebagai usaha untuk menentang atau mengatasi lelaki.

Pandangan itu tidak tepat kerana secara jelas setiap lapisan masyarakat, termasuk kanak-kanak, orang muda, warga emas dan orang kurang upaya wajar mendapatkan hak mereka yang sebenarnya.

Definisi hak asasi boleh diklasifikasikan sebagai hak yang dipunyai oleh seseorang individu ke atas kapasiti sebagai manusia dan meliputi pelbagai skop kehidupan seperti bersuara, mendengar, mendapatkan keamanan, kebebasan untuk bergerak dan sebagainya.

Kesepakatan Hak Asasi Antarabangsa sudah menubuhkan satu konvensyen bagi melindungi dan mencapai hak wanita dikenali sebagai Konvensyen Antarabangsa Mengenai Penghapusan Segala Bentuk Diskriminasi Terhadap Wanita atau CEDAW.

Konvensyen ini menumpukan mengenai penghapusan segala bentuk diskriminasi terhadap perempuan serta pembabitkan mereka sebagai pemimpin dalam pelbagai bidang, termasuk politik.

Sebagai sebuah negara, Malaysia mengiktiraf CEDAW dan mengadaptasinya dalam undang-undang sebagai usaha membela dan memartabatkan hak wanita.

Pandangan rendah hak wanita

Bagaimanapun, hal ini tidak begitu menyeluruh apabila masih terdapat sesetengah pihak yang masih memandang rendah kepada hak wanita. Hal ini menyaksikan terdapat segelintir wanita tertindas dari segi kebajikan, kenaikan pangkat, malah turut menjadi mangsa, misalnya dalam kes gangguan seksual dan diskriminasi di tempat kerja.

Kajian yang dilakukan Pertubuhan Ikatan Wanita Antarabangsa bagi Institusi Keluarga dan Pendidikan Berkualiti (WAFIQ) mendapati setiap wanita yang ditemui mengakui pernah didiskriminasi dari sudut agama, misalnya sukar mendapat kebenaran menunaikan solat, kekurangan atau tiada ruang solat dan tidak dibenarkan bertudung ketika bekerja.

Kajian itu yang membabitkan seramai 405 responden berusia 18 hingga 59 tahun juga mendapati separuh daripada responden juga pernah menjadi mangsa kepada gangguan seksual.

Sebanyak 32.6 peratus pula pernah mengalami gangguan seksual dalam bentuk sentuhan badan yang sengaja dan tidak disengaji. Dari jumlah itu 73.2 peratus mengaku mengalaminya lebih daripada sekali.

Dapatan ini agak mengecewakan dan seharusnya setiap pihak berganding bahu bagi menanganai keadaan ini. Wanita seharusnya dipandang dengan rasa hormat kerana mereka bukan hanya pekerja, tetapi anak perempuan, kakak, adik atau ibu seseorang, malah lebih utama seorang manusia.



Kajian WAFIQ mendapati separuh daripada 405 responden pernah menjadi mangsa gangguan seksual. (Foto hiasan)

DISEDIAKAN
OLEH

PN NOR SURIANI BINTI MOHD ZIN (S44), BPM